

Headline	Tomato Lojing dapat permintaan tinggi di Singapura, Timur Tengah kerana berkualiti		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	19	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	227 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,914
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,741



Tomato Lojing dapat permintaan tinggi di Singapura, Timur Tengah kerana berkualiti

GUA MUSANG – Kualiti tinggi tomato yang ditanam di Lojing dekat sini menyaksikan hasil tanaman berkenaan mendapat permintaan termasuk di Singapura dan Timur Tengah.

Kejayaan menembusi pasaran luar itu juga hasil pemasaran agresif yang dilakukan oleh pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Pemangku Timbalan Ketua Pengarah FAMA (Bahagian Operasi), Mohd. Anis Mohd. Yasin berkata, ketika ini pihaknya membekalkan tomato daripada 10 peserta projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lojing.

Katanya, kesemua mereka memeterai kontrak penjualan dengan FAMA selama dua tahun termasuk untuk dieksport ke negara Timur Tengah khususnya Dubai.

“Peserta TKPM Lojing memperolehi hasil lebih RM2 juta setahun dengan pengeluaran sebanyak 1,230 tan tahun lalu.

“Secara purata mereka meraih pendapatan kira-kira RM8,000 sebulan,” katanya selepas menandatangani perjanjian jual beli hasil pertanian antara FAMA dengan usahawantani berkenaan di Pejabat Jabatan Pertanian Lojing di sini semalam.

Majlis itu dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Paloh, Datuk Nozula Mat Diah.

Turut hadir Pengarah Jabatan Pertanian Kelantan, Karim Mohd. Kahri Yusof dan Pengarah FAMA Negeri, Ibrahim Mahmood.

Selain eksport, tomato usahawantani TKPM turut dipasarkan di Agrobazar Rakyat dan My Farm Outlet.



NOZULA (dua dari kanan) dan Mohd. Anis (tengah) melihat hasil keluaran tomato peserta TKPM di Lojing semalam.